

Adakah ganjaran, kenaikan gaji boleh jamin kesetiaan pada majikan?

APA ERTI SETIA?



PROFESOR
DR ZAFIR KHAN
MOHAMED MAKHUBUL

Timbalan Dekan
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia



"Demi negara yang tercinta... Masih ingat lirik dan melodi lagu bertajuk Setia nyanyian Francisca Peter ini?"

Menyanyikan lagu ini sahaja boleh menyebabkan bulu roma kita meremang. Begitulah 'berhantunya' lagu ini, mungkin lebih berhantu daripada filem *Hantu Kak Limah*.

Namun apa itu setia? Kepada siapa kita perlu setia? Setia akan menerbitkan rasa sayang, ingin berkorban, melindungi dan mempertahankan sesuatu yang disayangi dan dicintai. Sebagai contoh, setia kepada raja dan negara boleh diertikan sebagai rasa taat seorang rakyat kepada raja dan negara serta sentiasa berusaha mengekalkan keamanan negara.

Bagaimanakah pula dengan erti setia kepada organisasi? Kesetiaan membawa pengertian berbeza kepada organisasi masa kini. Majikan mengharapkan pekerja produktif untuk terus setia dan sama-sama membangun bersama organisasi. Kesetiaan dari perspektif pekerja pula membawa maksud individu terus berkhidmat dan membangunkan kemahiran diri bersama organisasi, di samping organisasi meneruskan strategi mengekalkan pekerja terbaik dalam organisasi.

Persoalannya, apakah yang memangkin kesetiaan? Mungkinkah ganjaran kewangan yang pada suatu ketika dahulu dapat meningkatkan kesetiaan pekerja masih lagi signifikan pada masa kini? Ganjaran kewangan mungkin dapat meningkatkan kepuasan kerja tetapi tidak kesetiaan. Persoalan ini berterusan, iaitu adakah pekerja yang mempunyai kepuasan terhadap ganjaran kewangan akan terus setia kepada organisasi?

Kajian menunjukkan kepuasan kerja biasanya tidak dapat menahan mereka untuk terus kekal dalam organisasi jika mereka ditawarkan ganjaran dan suasana pekerjaan yang lebih baik.

Persekitaran dan perubahan perniagaan masa kini memberikan kesedaran kepada pengurus organisasi tentang pentingnya memahami konsep kesetiaan pekerja, mengukuhkan tahap kesetiaan pekerja. Kajian menunjukkan terdapatnya hubungan antara kesetiaan dengan prestasi organisasi dan ia mampu mengurangkan masalah sumber manusia seperti pusing ganti pekerja dan ketidakhadiran di dalam organisasi.

DIMENSI KESETIAAN

Pekerja yang setia boleh digambarkan sebagai individu yang melakukan tugas dengan bersungguh-sungguh, memberi sokongan kepada usaha dan matlamat organisasi serta menjalani proses pembangunan kerjaya bersama organisasi.

Kesetiaan pekerja kepada organisasi sering dikaitkan dengan perasaan sayang dan cinta seseorang pekerja itu terhadap tempat ia bekerja. Seseorang pekerja yang setia akan terus bekerja dengan organisasi tersebut tanpa memikirkan kemungkinan untuk bertukar kerja atau berhenti, walaupun semasa organisasi berhadapan dengan tekanan seperti masalah kewangan dan pengurusan.

Kajian menunjukkan kesetiaan kepada organisasi merupakan salah satu komponen yang membentuk komitmen organisasi dan kewargaan organisasi. Komitmen dan kesetiaan organisasi adalah hampir sama dari segi definisi dan matlamatnya. Pekerja yang mempunyai komitmen yang tinggi terhadap kerja akan menghasilkan tahap kesetiaan yang tinggi terhadap organisasi. Perbezaannya, konsep komitmen adalah lebih meluas dan kesetiaan pekerja adalah salah satu daripada komponen tersebut.

Konsep kesetiaan kepada organisasi perlu dilihat dari pelbagai dimensi dan terdapat banyak faktor penentu yang mempengaruhi kesetiaan pekerja. Secara teorinya, kesetiaan terhadap organisasi berdasarkan dua dimensi iaitu dimensi dalaman (aspek emosi) dan dimensi luaran (aspek tingkah laku).

Kesetiaan kepada organisasi berdasarkan dimensi dalaman merujuk kepada tahap ikatan psikologi yang mana pekerja berasa bangga bekerja dengan organisasi, perasaan taat dan sayang serta berkeinginan untuk terus kekal di dalam organisasi tersebut. Dimensi luaran pula menjelaskan kesetiaan terhadap organisasi sebagai proses tingkah laku dan persekitaran yang ditunjukkan oleh individu sehingga membuat keputusan untuk tidak meninggalkan organisasi.

Dimensi kesetiaan pekerja perlu diberi perhatian sewajarnya oleh organisasi dalam mengekalkan pekerja terbaik di dalam organisasi. Dinamika persekitaran semasa yang semakin mencabar membawa perspektif baharu kepada organisasi agar kesetiaan pekerja kepada organisasi digabungkan dengan pemerikasaan kemahiran dan pembangunan kerjaya.

Tahap kesetiaan pekerja yang rendah boleh melemahkan strategi organisasi yang telah dirancang sehingga akhirnya meningkatkan kos dan menjejaskan produktiviti. Kajian menunjukkan tahap kesetiaan pekerja menjadi lemah kesan pengecilan saiz organisasi, penggabungan, pengambilalihan, penstrukturan semula dan perubahan teknologi.

Justeru, beberapa strategi perlu difikirkan oleh organisasi dalam mengekalkan tahap kesetiaan terutama kepada pekerja cemerlang dalam organisasi.

GGULAN HABBATUS SAUDA



2 MANFAAT HABBATUS SAUDA

Habbatus Sauda merupakan anti-oksidan dan anti-radang yang kuat yang mana ia mampu menyekat susut lemak berlebihan di dalam tubuh. Ciri-ciri ini bagus kerana ia dapat menghalang segala aktiviti keradangan yang merupakan punca kepada penyakit seperti kardiovaskular, arthritis, diabetes dan sebagainya. Selain itu, bijan ini juga mampu membantu meningkatkan sistem ketahanan tubuh badan yang mana ia melindungi tubuh dari masalah kesihatan. Kepada individu yang sibuk dan sentiasa lesu, Habbatus Sauda adalah pilihan yang sesuai kerana ia bertindak balas terhadap tubuh badan sebagai penyumbang tenaga dan membantu pemulihan tubuh badan dari kelelahan. Bijan ini juga merupakan adaptogen yang mampu mengimbangi tubuh badan terhadap tekanan dan mampu meningkatkan penghasilan serotonin yang berfungsi untuk menstabilkan mood, tidur, memori, dan sebagainya. Habbatus Sauda adalah herba yang mengandungi banyak ciri terapeutik. Ia telah digunakan sebagai ubat tradisional selama beratus-ratus tahun.

...asi, Puan Zaitun begitu teruja kerana sekarang untuk kapsul yang mudah diambil berbanding zaman... an mental. Selain anak dan menantunya, beliau juga esihatannya. Beliau berasa begitu lega kerana setelah ya semakin ceria, sihat dan bertenaga. Puan Zaitun sangat

...percaya untuk membina kesihatan tubuh badan secara ekstrak dari keseluruhan biji, bukan sahaja pecahan a terkandung didalamnya. Disamping itu, kepekatan yang ragamakan tidak kurang 10% juga telah menambahkan lagi na. Habbatus saudu adalah herba terbaik untuk mencegah

Habbatus Sauda di farmasi - farmasi berdekatan di seluruh Malaysia. Habbatus Sauda Health Products Sdn. Bhd. di 1-300-88-1713.